

MAKLUMAT TEMUDUGA PELAJAR BARU PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN QIRAAT (QI14), FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM SESI 2020/2021

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM mengucapkan tahniah kepada semua calon - calon yang berjaya mendapat panggilan temuduga bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Qiraat dengan Kepujian (QI14) sesi 2020/2021 yang akan diadakan pada:

Bil	Perkara	Tarikh	Masa	Medium
1.	Ujian Tahriri (Minat dan Asas Qiraat)	8 Julai 2020	10.00–10.20 pagi	Google Forms
2.	Ujian Syafawi al-Quran	9 Julai 2020	9.00pagi–4.00 petang	Zoom, Whatsapp Video Call

**PELAKSANAAN KAEDAH TEMUDUGA SECARA DALAM TALIAN
PROGRAM IJAZAH MUDA PENGAJIAN QIRAAT DENGAN KEPUJIAN,
FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH, USIM.
8 dan 9 JULAI 2020**

Kaedah 1 (40 markah) Google Form (8 Julai 2020)	<ol style="list-style-type: none">1) Urusetia JPKP akan menghantar senarai nama calon dan no.tel utk dihubungi.2) Calon akan diberi makluman berkaitan tarikh dan masa berkaitan temuduga.3) Pusat Pengajian akan memberi info berkaitan temuduga di laman sesawang https://fpqs.usim.edu.my/ bermula tarikh 1 hingga 7 Julai 2020.4) Anggaran masa menjawab antara 15-20 minit.
Kaedah 2 (60 Markah) Zoom (9 Julai 2020)	<ol style="list-style-type: none">1) Urusetia JPKP akan menghantar senarai nama calon dan no.tel utk dihubungi.2) Calon akan diberi makluman berkaitan tarikh dan masa berkaitan temuduga.3) Pusat Pengajian akan memberi info berkaitan kumpulan masing-masing di laman sesawang https://fpqs.usim.edu.my/ bermula tarikh 1 hingga 7 Julai 2020.4) Calon akan diminta untuk menunjukkan sijil hafazan dan sijil SPM, Diploma/ STAM/ STPM.5) Calon akan diberi pilihan sampul soalan dan sesi temu duga bermula dalam anggaran masa 15 – 20 minit.

- *Sila rujuk perincian tatacara dan infomasi terkini yang dilampirkan di bawah berkaitan perjalanan temuduga.*

TATACARA TEMUDUGA SECARA DALAM TALIAN (UJIAN TAHRIRI)

Calon dikehendaki untuk memeriksa maklumat diri dalam kumpulan panel masing-masing bermula pada 2 Julai 2020

Calon perlu memastikan keberadaan di dalam kumpulan (*Whatsapp*) bersama panel penemuduga bermula pada 7 Julai 2020

Calon akan diberikan *link Google Form* untuk ujian tahriri pada 8 Julai 2020 melalui medium *Whatsapp*

Setiap calon diwajibkan hadir sesi ujian tahriri dengan *link Google form* yang diberi pada pukul 10.00 pagi.

Hanya sekali sahaja dibenarkan menjawab soalan di dalam *Google Form* dalam tempoh masa selama 20 minit

Calon tidak dibenarkan sama sekali berbincang dan meniru sebarang sumber rujukan berkaitan ketika ujian tahriri dilakukan

Calon diwajibkan menekan *button submit* selepas selesai menjawab soalan-soalan dalam *Google Form*.

TATACARA TEMUDUGA SECARA DALAM TALIAN (UJIAN SYAFAWI)

Calon dikehendaki untuk memeriksa maklumat diri dalam kumpulan panel masing-masing bermula pada 2 Julai 2020

Calon perlu memastikan keberadaan di dalam kumpulan (*whatsapp*) bersama panel penemuduga bermula pada 7 Julai 2020

Calon akan diberikan masa, no.giliran dan medium untuk ujian syafawi pada 8 Julai 2020

Setiap calon diwajibkan hadir sesi ujian syafawi dengan medium telah ditetapkan oleh panel masing-masing pada 9 Julai 2020.

Kedudukan calon hendaklah berada dalam jarak yang boleh dilihat oleh Panel Penemuduga secara jelas ketika proses temuduga dijalankan

Sesi Ujian Syafawi akan bermula dengan memperkenalkan diri secara ringkas serta menunjukkan sijil-sijil kepada Panel Penemuduga (Diploma/ STAM/STPM/Sijil Tahfiz al-Quran)

Setiap calon akan diberikan set soalan Ujian Syafawi al-Quran yang mengandungi 5 soalan merangkumi 30 juzuk al-Quran

Calon diwajibkan untuk menutup mata ketika sesi menjawab setiap soalan-soalan Hifz al-Quran

Setiap penilaian dan pemarkahan akan diberikan berdasarkan aspek tajwid dan kelancaran

CARTA ALIR TEMUDUGA QI14 SECARA DALAM TALIAN (UJIAN TAHRIRI)



**CARTA ALIR TEMUDUGA Q114 SECARA DALAM TALIAN
(UJIAN SYAFAWI)**

